

Newspaper	SELANGORKINI
Date	28 JULY 2017

Nasional

SelangorKini 28 Julai - 4 Ogos 2017 | 9

Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman

Tak wajar pilih negara perang

OLEH SYAZWANI SUFIAN

KAJANG - Langkah Malaysia untuk bekerjasama dengan Arab Saudi dalam mempromosikan kesederhanaan dan menentang keganasan menerusi penubuhan sebuah institusi baharu di Putrajaya dilihat tidak sesuai.


Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak seharusnya memilih negara yang terbabit dengan peperangan untuk tujuan itu.

"Dia (Najib) patut pilih untuk kerjasama dengan negara yang tidak terbabit dalam peperangan.

"Tindakan memilih Arab Saudi kononnya untuk keamanan adalah kurang sesuai kerana negara itu jelas terbabit dengan peperangan," katanya, di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, Najib mengumumkan Kerajaan Persekutuan meluluskan 16 hektar tanah di pusat pentadbiran Putrajaya untuk membina sebuah 'pusat keamanan' dinamakan sempena raja Arab Saudi sekarang.

Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) diilhamkan selepas kunj-



Tindakan memilih Arab Saudi kononnya untuk keamanan adalah kurang sesuai kerana negara itu jelas terbabit dengan peperangan

TUN DR MAHATHIR
Pengerusi PPBM

jungan pemerintah Arab Saudi itu ke Malaysia pada Mac lalu serta penyertaan Najib dalam sidang kemuncak di Riyadh yang dihadiri Presiden AS, Donald Trump.